



كردان نكر قك بذا الامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04 - 702 7795
Faks : 04 - 702 7720 (Bhg. Kewangan)
: 04 - 702 7722 (Bhg. Perbendaharaan)
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my
E-mel : pkpkn@kedah.gov.my



Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(37)
Tarikh : 16 Jamadilawal 1442H
31 Disember 2020

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 17/2020
PEWUJUDAN/PELANTIKAN PENTADBIR PTJ BAGI PROSEDUR PENTADBIRAN
PENGGUNA SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL
AMAN (iSPEKS)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, terdapat pembaharuan dalam Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS iaitu Pengurusan Tugas. Objektif Pengurusan Tugas adalah seperti berikut:
- Mengelakkan lebih daripada seorang pengguna melaksanakan transaksi yang sama dalam satu masa.
 - Memberi kemudahan untuk pengguna melepaskan (*release*) tugas yang belum selesai kepada pengguna lain.
 - Memaparkan tugas yang berkaitan dengan capaian pengguna sahaja.
 - Mewujudkan peranan Pentadbir PTJ untuk memantau dan menguruskan tugas yang belum selesai.

(2)

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(37)

3. Sehubungan itu, setiap PTJ perlu melantik sekurang-kurangnya **dua (2)** orang pengguna Sistem iSPEKS daripada mana-mana peranan sebagai Pentadbir PTJ yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan tugas seperti berikut :

- (i) Memantau pending task di dashboard iSPEKS.
- (ii) Melepaskan (release) tugas yang belum selesai kepada pengguna lain sekiranya keadaan memerlukan.
- (iii) Memantau status pengguna iSPEKS dan mengisi borang penyahaktifan Profil iSPEKS bagi tujuan permohonan penamatan ID Pengguna iSPEKS.

4. Sehubungan dengan itu, YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk muat turun **Borang Senarai Pentadbir PTJ iSPEKS (iSPEKSv01)** di laman web rasmi Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri <http://ppnk.kedah.gov.my/> di menu **iSPEKS > Muat Turun Borang > Borang Senarai Pentadbir PTJ**. Mohon dikembalikan borang yang lengkap diisi dengan pengesahan Ketua Jabatan **selewat-lewatnya pada 10 Januari 2021 (AHAD)**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan **Seksyen Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan** di talian 04-7027789/7790/7791/7847 atau email helpdesk1speks@kedah.gov.my. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, amatlah dihargai.

6. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman